



LAMPIRAN 8
SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 4
TARIKH: 9 OGOS 2019 (JUMAAT)

Tidak boleh halau Lynas, pelabur asing perhati

FUKUOKA, Jepun - Malaysia tidak boleh 'menghalau' Lynas setelah menjemput syarikat perlombongan nadir bumi itu melabur di negara ini hanya kerana terdapat pihak yang tidak mahu menerima kajian pakar, kata Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Lynas telah melabur lebih RM1 bilion untuk operasinya di Malaysia cuma proses perlombongan nadir bumi itu dikatakan

mempunyai radioaktif pada sisanya.

Katanya, kajian pakar melaporkan sisa radioaktif 'pada tahap sangat rendah' dan tidak berbahaya kepada kesihatan.

"Kita yang panggil (datang melabur), lepas tu kita halau dia keluar. Orang lain kata negara buat janji, bila buat masalah dia halau pelabur. Tak boleh macam tu," katanya kepada wartawan Malaysia semalam ketika

mengakhiri lawatan kerja dua harinya ke Fukuoka.

Dr Mahathir berkata, pelabur asing langsung sedang memerhatikan tindakan kerajaan terhadap Lynas.

"Kalau kita halau pelabur asing Lynas ini, yang lain (pelabur asing) tak akan datang (Malaysia). Sebab ada yang kita tak suka. Maka kita suruh dia (pelabur) keluar. Siapa (pelabur) nak datang, mereka perlukan kepastian," katanya.
- *Bernama*